

Warisan budaya maritim Melayu dan penjelajahan kapal ghali Hang Tuah sebagai odessey Melayu yang agung

ABSTRAK

Kertas ini akan membincangkan secara ringkas kemunculan peradaban Melayu silam yang berasaskan budaya maritim, khususnya yang berkaitan dengan kemunculan kerajaan-kerajaan maritim dan penggunaan kapal besar. Satu jenis kapal besar yang paling banyak digunakan ialah kapal ghali (galleys), iaitu kapal perang utama kesultanan Melayu Melaka di bawah perintah Laksamana Hang Tuah. Berdasarkan Karya Agung Melayu Hikayat Hang Tuah, kapal ghali utama (flagship) “Mendam Berahi” telah dibina oleh tukang kapal Melaka untuk pelayaran mula-mula ke Majapahit dan seterusnya telah menjelajah ke Bentan, Lingga, Palembang, Jayakarta, Aceh, Brunei, Siam, Sri Langka (Sailon), Benua Keling, Benua China, Mesir, Jeddah dan juga ke Benua Rum (Istanbul). Dalam penjelajahan itu Hang Tuah dan orang-orangnya telah mengharungi pelbagai pengalaman, memperoleh pelbagai artifak seperti senjata meriam, pemuras, istinggar, dan terlibat dalam beberapa pertempuran laut antaranya dengan orang Feringgi (Portugis), orang Jepun yang bermukim di Kemboja, orang Brunei dan lain-lain. Kisah dan kejadian dalam Hikayat Hang Tuah ini mungkin cetusan pemikiran kreatif dan imaginatif penulisnya, namun kehebatan penceritaan dan pengesahan tentang penjelajahan dan ketokohan adiwira Melayu ini, menghampiri sehebatnya kisah penjelajahan Odysseus dalam mitos Yunani The Odyssey, yang menjadikan penjelajahan Hang Tuah sebagai satu warisan budaya maritim Melayu yang agung, yang perlu ditonjolkan demi menyemarakkan yakin diri dan rasa kebanggaan terhadap warisan budaya bangsa sendiri.